

Sungai Klang dinaik taraf Kelas 2

KUALA LUMPUR – Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar kini sedang giat melakukan kerja-kerja pembersihan di Sungai Klang di sini bagi mencapai sasaran status kualiti air sungai Kelas 2, kata Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Douglas Uggah Embas (**gambar**).

Katanya, antara tindakan yang dibuat kementerian dalam kerja pembersihan itu adalah pemasangan kira-kira 300 perangkap sampah dan melakukan kajian terhadap kualiti air Sungai Klang dari semasa ke semasa.

“Ia juga merupakan sebahagian daripada projek *River of Life*, sebuah projek permulaan yang dikenal pasti dalam Bidang Ekonomi Utama Greater Kuala Lumpur di bawah Program Transformasi Kerajaan.

“Status Sungai Klang kini adalah Kelas 3, maka kementerian meminta semua pihak tidak membuang sampah dan sisa-sisa pepejal ke dalam sungai kerana ia akan mencemarkan lagi sungai berkenaan,” katanya selepas merasmikan Makmal Kualiti Air dan menyaksikan majlis menandatangani Memorandum Persefa-

haman (MoU) antara Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) di sini semalam.

Turut hadir, Ketua Pengarah NAHRIM, Ahmad Jamalluddin Shaaban dan Naib Canselor UTHM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Noh Dalimin.

MoU tersebut bertujuan untuk menjalin kerjasama dalam penyelidikan kualiti dan sumber air. Kategori Kelas 1 adalah penarafan terbaik untuk kualiti air sungai.

Uggah berkata, kerja-kerja pembersihan di Sungai Klang itu akan memakan masa selama dua tahun dan ia mula dijalankan tahun ini.

Selain Sungai Klang, kementerian turut melakukan pembersihan dan penyelidikan di sungai-sungai lain di seluruh negara, katanya lagi.

Selain itu, beliau berkata, kementerian menerusi Jabatan Alam Sekitar mendapati sebanyak 293 sungai (51.4 peratus) di seluruh negara dikategorikan sebagai bersih, 203 sungai (35.6 peratus) mengalami pencemaran sederhana dan 74 sungai (13 peratus) mengalami pencemaran teruk. – Bernama

